

11 JUL 1999

Abu Hassan-Kampung

400 KAMPUNG DI SELANGOR AKAN TUKAR WAJAH MENJADI KAMPUNG TERMODEN

KUALA SELANGOR, 11 Julai (Bernama) -- Sebanyak 400 kampung tradisi di Selangor akan menjadi kampung yang termoden apabila selesainya pelaksanaan rancangan Desa Wawasan Kerajaan Negeri Selangor menjelang tahun 2005, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beliau berkata, pelaksanaan rancangan itu merangkumi usaha-usaha menyediakan kemudahan infrastruktur yang canggih termasuk yang berkaitan dengan bidang teknologi maklumat (IT).

"Untuk menjayakan rancangan ini, Kerajaan Negeri sudi mendengar idea-idea dari semua lapisan masyarakat termasuk dari golongan belia," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung ke-43 Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Selangor di Dewan Bangunan Umno Kuala Selangor di sini, hari ini.

Abu Hassan berharap para pemimpin belia yang menyertai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dapat memainkan peranan mereka dengan mengemukakan idea-idea mereka di samping memberikan kerjasama kepada JKKK melaksanakan projek itu.

Untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan belia di Selangor, beliau berkata, mulai 1 Jun, Kerajaan Negeri juga telah membuka semula kemudahan pinjaman yang dibekukan sekian lama kepada belia yang ingin menjalankan perniagaan sendiri.

Abu Hassan juga meningkatkan belia-belia yang berjaya memperolehi pinjaman supaya menjelaskan semula pinjaman mereka agar kemudahan itu dapat diperluaskan kepada lebih ramai belia yang layak.

Ketika ditanya pada sidang media selepas perasmian itu mengenai pengumuman perlaksanaan "Entertainment Village" bersebelahan Cyberjaya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa hari lepas, Abu Hassan berkata Kerajaan Negeri menyokong penuh idea itu.

Ini kerana iag akan membuka peluang kepada masyarakat Malaysia menyertai bidang "Entertainment" dan menjadi popular di arena antarabangsa satu hari nanti, katanya.

"Siapalah tahu satu hari nanti ada di antara masyarakat Malaysia terutamanya di kalangan belia menjadi terkenal di dunia seperti di Holywood dan Bolywood," tambahnya.

Ketika diminta komen mengenai kenyataan PAS yang parti itu akan membawa keluar negeri Perlis daripada Malaysia jika Kerajaan Persekutuan tidak memberi bantuan selepas parti itu menawan negeri itu dalam pilihan raya umum akan datang, Abu Hassan berkata kenyataan seumpama itu jelas menunjukkan parti pembangkang tidak konsisten dalam mengumumkan dasar-dasarnya.

"Mereka akan hilang kredibiliti mereka jika terus membuat kenyataan-kenyataan yang tidak konsisten seperti ini," katanya.

Bekas pensyarah UKM, Datuk Dr. Harun Din yang disebut-sebutkan sebagai bakal Menteri Besar Perlis jika parti itu berjaya menawan negeri itu mengancam dalam satu ceramah politik semalam bahawa PAS akan memisahkan Perlis dari Malaysia dan menubuhkan sebuah negara Islam yang tulen jika kerajaan pusat tidak mahu memberi bantuan.

-- BERNAMA

KM PR